

PARLIMEN - KRISIS

1983
KUALA LUMPUR, 11 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK DAKWAAN BAHAWA NEGARA KINI SEDANG MENGHADAPI KRISIS PERLEMBAGAAN BERIKUTAN LANGKAH MEMINDA PERLEMBAGAAN DI PARLIMEN BARU-BARU INI.

"SAYA TIDAK SEDAR BAHAWA NEGARA DALAM KRISIS," KATA PERDANA MENTERI KETIKA MENJAWAB SOALAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA DI DEWAN RAKYAT.

BELIAU MEMBERITAHU WAKIL ITU RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAN (PINDAAN) 1983 TELAH DIKEMUKAKAN OLEH PARLIMEN KEPADA ISTANA NEGARA UNTUK Mendapatkan PERKENAN DI RAJA SEPerti YANG BIASA Dilakukan.

"RANG UNDANG-UNDANG INI AKAN Diwartakan SEBAIK SAHAJA PERKENAN DI RAJA DiPEROLEHI," KATANYA.

MEMANDANGKAN YANG Di-Pertuan Agong GERING, KEMUNGKINANNYA RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN Mengambil MASA SEBELUM DiPERKENANKAN, TAMBAHNYA.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK HASSAN MOHAMAD (HAMIM-RANTAU PANJANG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MAJALAH-MAJALAH ASING MENYIARKAN BERITA-BERITA KONONNYA NEGARA MENGHADAPI KRISI SEJAK TAHUN 1957 LAGI.

"OLEH ITU TIADALAH TINDAKAN DAPAT Diambil TERHADAP MAJALAH-MAJALAH ITU," KATANYA.

-- LAGI 1606/LK

ZCZC B575:

PARLIMEN - KRISIS 2 KUALA LUMPUR

KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KEMUDIAN BANGUN DAN BERTANYA JIKA TIADA KRISIS PERLEMBAGAAN, MENGAPAKAH KERAJAAN Mengambil TINDAKAN MENGHARAM KELUARAN ATAU MENAPIS SIARAN SESUATU LAPORAN MENGENAI ISU TERSEBUT YANG DiMuatkan Dalam MAJALAH LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI BERKATA LAPORAN ITU MENYENTUH PERIBADI RAJA-RAJA YANG MUNGKIN TIDAK DAPAT DiJAWAB OLEH RAJA-RAJA KERANA KEDUDUKAN ISTIMEWA Masing-Masing.

BAGI Mengelakkan KEMUNGKINAN BERLAKU SESUATU KEADAAN TIDAK DiINGINI, KERAJAAN TERPAKSA Mengambil LANGKAH MENYEKAT LAPORAN SEUMPAMA ITU, KATANYA.

-- BERNAMA 1610/LK

PARLIMEN - KRISIS 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B575)

SELAIK SAHAJA SELESAI TEMPORAL SOALJAWAB, ENCIK LIM BANGUN MEMOHON MEMBENTANGKAN USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT BAgI MEMBINCANGKAN KRISIS PERLEMBAGAAN YANG BELIAU MENDAKWA TIMBUL AKIBAT RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN), 1983 YANG DiLULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA Dalam PERSIDANGAN YANG LALU.

BELIAU MENDAKWA AKIBAT LANGKAH TERSEBUT, LAPAN RANG UNDANG-UNDANG YANG DiLULUSKAN OLEH KEDUA-DUA DEWAN ITU SEHINGGA KINI BELUM DiBERI PERKENAN Di RAJA OLEH YANG Di-Pertuan Agong.

KETIKA MENOLAK USUL ITU, SPEAKER DATUK MOHAMED ZAHIR ISMAIL BPERMOHONAN ENCIK LIM TIDAK MEMENUHI SYARAT SEPerti DiPERLUKAN DiBawah PERKARA 18 (2), PERATURAN TETAP MESYUARAT.

PERUNTUKAN ITU HANYA Menguntungkan PERBINCANGAN Untuk PERKARA-PERKARA TERTENTU SEDANGKAN SOAL RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT AKAN DiBERI PERKENAN DiRAJA ATAU TIDAK BELUM DAPAT DiPASTIKAN, KATANYA.

--BERNAMA 1926/PA